

Cekap dan dinamis

JIKA sebelum perliantikannya dulu ramai orang yang meramalkan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad, akan mewujudkan satu pentadbiran Kerajaan yang cekap dan dinamis, kini ramalan ini mulai terbukti. Setelah memilih ahli-ahli Kabinetnya dengan teliti Rabu lalu Perdana Menteri dalam sidang Kabinetnya yang pertama terus menumpukan perhatian kepada menyusun dan menentukan bidang tugas setiap menteri dan timbalan menteri dan menerangkan dengan jelas apakah matlamat dan taraf prestasi yang diharapkan oleh beliau dari mereka. Berikutan dengan ini pada hari Khamis Datuk Seri Dr. Mahathir telah bersidang pula dengan ketua-ketua setiausaha kementerian untuk menerangkan kepada mereka pendekatan dan harapan beliau mengenai cara dan hasil kerja yang diperlukan dari setiap jabatan Kerajaan.

Memandangkan penekanan yang diberikan oleh Perdana Menteri kepada cita-cita mewujudkan satu jentera pentadbiran awam yang efisien dan kepentingan menjayakan sepenuhnya matlamat-matlamat pembangunan negara tidaklah sukar difaham kenapa beliau telah memberikan perhatian yang begitu berat kepada soal meletakkan landasan yang tegap kepada jentera pentadbiran Kerajaan. Dengan perliantikan Datuk Abdullah Haji Ahmad, seorang tokoh yang mempunyai pengalaman pentadbiran luas, dan memberikan pula beliau tanggungjawab mengendalikan pentadbiran Kerajaan, Unit Perancangan Ekonomi, dan Majlis Keselamatan Negara, orang ramai boleh memberikan sepenuh keyakinan yang negara akan mempunyai satu jentera pentadbiran yang kemas dan licin. Tetapi jika hasrat mendapatkan satu jentera perkhidmatan awam yang berkesan mudah dilahirkan, ternyata menterjemahkan harapan ini kepada realiti adalah satu perkara yang jauh lebih rumit.

Pentadbiran awam dianggotai oleh lebih setengah juta pegawai dan kakitangan yang terpecah pula kepada berpuluh jabatan di bawah pengawasan ketua masing-masing yang seringkali mempunyai sikap dan gaya kerja yang jauh dari seragam. Dalam konteks ini penekanan yang diberikan oleh Perdana Menteri kepada amalan Etika Khidmat Cemerlang yang telah dilaksanakan semenjak dua tahun dahulu itu memang wajar. Jika ketua-ketua jabatan betul-betul dapat mengamalkan dengan baik prinsip-prinsip yang terkandung di dalam etika ini kesannya dari segi memberikan bimbingan dan tauladan yang sempurna kepada pegawai-pegawai lain dan kepada prestasi pentadbiran Kerajaan seluruhnya tentulah bukan kecil. Dengan kerjasama yang rapat dari orang ramai dan di antara satu jabatan dengan yang lain tentulah ini tidak terlalu sukar dihasilkan.